

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 20 JANUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## Malaysia MADANI asas struktur semula ekonomi

### Malaysia MADANI asas struktur semula ekonomi

**Putrajaya:** Kerajaan akan menstruktur semula ekonomi negara berlandaskan kepada tiga keutamaan strategik iaitu membasmi kemiskinan, penstrukturan semula ekonomi dan memulih serta menjana ekonomi berteraskan konsep Malaysia MADANI.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara perlu dicapai dalam konteks yang lebih luas iaitu ekonomi manusiawi yang mengutamakan keperluan rakyat.

"Khususnya kepada golongan miskin dan terpinggir serta membebaskan mereka daripada cengkaman kemiskinan dalam sistem kapitalisme yang tidak terkawal yang memupuk ketidaksamaan kekayaan dan ketidaksamaan taraf hidup," katanya ketika menyampaikan amanat sempena Wacana Membangun Malaysia MADANI, di sini, semalam.

Wahana utama yang menjadi teras Malaysia MADANI akan bertunjangkan kepada empat Teras Strategik Utama iaitu Membina Semula Ekonomi, Menjamin Kesejahteraan Insan, Reformasi Institusi Demokrasi dan Perundangan serta Mewujudkan Pentadbiran Beramanah.

Bagi memastikan kemampuan dan kelancaran agenda ini, tiga pemboleh daya strategik akan berfungsi sebagai enjin penggerak iaitu Digitalisasi Perkhidmatan Rakyat, Pendaya Upayaan Bakat Terbaik Negara dan Pemerkasaan Pengurusan Projek Strategik.

Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Anwar merangka konsep MADANI sebagai iktiar untuk memetakan strategi bagi mentadbir negara dengan berkesan, sekali gus mengoptimalkan fungsi jentera kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakan dasar berkaitan.

Anwar berkata, jumlah rakyat miskin di negara ini masih tinggi dengan kira-kira 136,000 isi rumah berada dalam kategori miskin tegar dan lebih 308,000 isi rumah dalam kategori miskin sekatat Julai 2022.

Justeru, Perdana Menteri mengusulkan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi dijadikan sebagai kaedah alternatif bagi mengukur kadar kemiskinan berdasarkan dimensi keperluan asas seperti tahap pendidikan dan zat makanan.